



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB

Rujukan Pekeliling : Pk (EL) MPOB 02/09

Tarikh Kuatkuasa : 01 JUN 2009

Perkara : **TAMBAHAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN KE ATAS
KATEGORI PENGIMPORT KELUARAN KELAPA SAWIT**

1. TUJUAN

Untuk memaklumkan penguatkuasaan syarat tambahan ke atas lesen kategori pengimport keluaran kelapa sawit.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pengawalseliaan import keluaran kelapa sawit melalui pelesenan meliputi penetapan kriteria-kriteria permohonan lesen dan penguatkuasaan ke atas syarat-syarat lesen yang ditetapkan. Satu daripada kriteria khusus permohonan lesen import ialah "*keluaran kelapa sawit yang dicadang import mestilah keluaran yang akan digunakan sebagai bahan mentah untuk diproses di kilang sendiri*". Walaubagaimanapun, pemantauan pada tahun 2008 mendapati terdapat pengimport yang tidak mematuhi kriteria di atas dengan menjual semula keluaran kelapa sawit yang diimport.

- 2.2 Memandangkan kriteria khusus seperti yang dinyatakan di atas hanya digunakan semasa memproses permohonan lesen import dan sukar dikuatkuasakan ke atas pengimport-pengimport yang menjual semula keluaran kelapa sawit yang diimport, maka dicadangkan kriteria khusus ini juga dijadikan syarat tambahan ke atas lesen import keluaran kelapa sawit. Ini adalah sebagai langkah bagi mengawal aktiviti import keluaran kelapa sawit bagi menjamin pasaran keluaran kelapa sawit tempatan dan kesejahteraan industri sawit negara.



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB

3. SYARAT LESEN KHUSUS

- 3.1 Pewartaan dan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 pada 1 Januari 2006 telah memperincikan syarat-syarat-syarat am dan syarat-syarat khusus bagi pemegang lesen kategori pengimport keluaran kelapa sawit sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21.
- 3.2 Sebagaimana yang telah dipersetujui dan ditetapkan dalam Mesyuarat Lembaga ke-53, tambahan syarat lesen khusus bagi pemegang lesen kategori pengimport keluaran kelapa sawit ialah seperti berikut:
" Pemegang lesen hanya dibenarkan untuk mengimport minyak sawit untuk kegunaan atau diproses di kilang sendiri sahaja."

4. PEMAKAIAN

Pekeliling Penguatuasaan (Pelesenan) MPOB 02/2009 [Pk (EL) MPOB 02/2009] ini adalah terpakai kepada semua pemegang lesen kategori pengimport keluaran kelapa sawit.

5. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Penguatuasaan ini berkuatkuasa mulai 1 Jun 2009.

6. PENGESAHAN DAN KELULUSAN

DATO' DR. MOHD. BASRI WAHID

KETUA PENGARAH

MPOB

Tarikh :



Lembaga Minyak Sawit Malaysia

JALAN KEMBARA PALEMBANG, KUALA LUMPUR 50100

M P O B

HARI BERTEMU PELANGGAN

SETIAP JUMAT MINGGU KE-3 SETIAP BULAN

BERJANGKA WAKTU DILAKUKAN PADA TAHUN 2009

BERJANGKA WAKTU DILAKUKAN PADA TAHUN 2009

BERJANGKA WAKTU DILAKUKAN PADA TAHUN 2009

Bil. Tuan / Your Ref.:

(2) 04 / C / 656 / 2 / 2009

Bil. Kami / Our Ref.:

27 Mei 2009

Pk (EL) MPOB 02/09

Semua Pemegang Lesen Kategori Pengimport Keluaran Kelapa Sawit

Tuan,

TAMBAHAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN KE ATAS KATEGORI PENGIMPORT KELUARAN KELAPA SAWIT

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang pihak tuan sedia maklum, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 telah diwarta dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2006. Penguatkuasaan peraturan ini adalah termasuk syarat lesen yang dikenakan ke atas setiap kategori yang dinyatakan dalam lesen sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 peraturan yang sama.

3. Mesyuarat Lembaga ke-53 telah memutuskan untuk menambah syarat yang dikenakan ke atas lesen kategori pengimport keluaran kelapa sawit seperti berikut:

"Pemegang lesen hanya dibenarkan untuk mengimport minyak sawit untuk kegunaan atau diproses di kilang sendiri sahaja."

Syarat tambahan tersebut akan mula berkuatkuasa pada 1 Jun 2009. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 02/2009 yang memperincikan syarat tambahan tersebut.

4. Sehubungan itu, pihak tuan dikehendaki mematuhi syarat tambahan tersebut dan syarat lesen yang telah ditetapkan untuk mengelakkan tindakan penguatkuasaan MPOB.

Sekian. Terima kasih.

Yang benar,

DATO' DR. MOHD. BASRI WAHID

Ketua Pengarah MPOB

- s.k.: - i) Ketua Unit Pelesenan
ii) Ketua Unit Kawalan Mutu
iii) Ketua Unit Penguatkuasa
iv) Ketua Unit Pendakwaan dan Gubalan
v) Semua Ketua Wilayah MPOB
vi) Semua Ketua Cawangan MPOB
vii) Semua Ketua Pejabat Pelabuhan MPOB

Waktu: 27 Mei 2009
Waktu: 27 Mei 2009